

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## PELANTIKAN CLAB SEBAGAI AGEN PROGRAM PEMUTIHAN DATA: PEKERJA ASING DIWAJIBKAN MEMILIKI KAD PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN DALAM SEKTOR PEMBINAAN

**KUALA LUMPUR, 29 Oktober 2024:** Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia (JKB MDNMSM) Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali ke-11, bilangan 2 tahun 2024 yang bersidang pada 20 Mei 2024 telah meluluskan cadangan CIDB bagi Penambahbaikan Tatakelola Pengurusan Pekerja Asing Sektor Pembinaan Dalam dan Luar Negara bagi mengurangkan jurang data Pekerja Asing antara CIDB dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui anak syarikatnya Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) telah diberikan peranan sebagai agen pemutihan data pekerja asing. Program ini khusus kepada pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan telah berada di dalam negara namun masih belum memiliki Kad Pendaftaran Personel Binaan. Program pemutihan pekerja asing sektor pembinaan perlu dilaksanakan dengan kadar segera yang akan tamat pada **31 Disember 2024**.

Selaras dengan keperluan dan penetapan Akta 520 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Pindaan 2011) dibawah Seksyen 33 (1) menyatakan – Seseorang tidak boleh terlibat, atau diambil, atau mengaku janji untuk terlibat, atau diambil sebagai personel binaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini. Pelanggaran terhadap seksyen di atas boleh disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit kepada majikan dan pekerja binaan. Pendaftaran Kad Pendaftaran Personel Binaan boleh dilakukan dengan menyertai Program Pemutihan Kad Personel Binaan di bawah kendalian Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) dengan melayari <http://e-sicwclab.sytes.net/> atau berhubung terus di talian 03-2095 9599 untuk keterangan lanjut.

Semua pihak diseru untuk bersama-sama menyokong inisiatif ini dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja asing dan pematuhan undang-undang. Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak dalam industri pembinaan adalah penting dalam menjayakan program ini.

Untuk maklumat lanjut sila layari **[www.clab.com.my](http://www.clab.com.my)**.

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

---

### **Mengenai CLAB**

CLAB merupakan singkatan bagi Construction Labour Exchange Centre Berhad. Ia merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh CIDB. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengambilan Pekerja Asing (JKK-PA) pada tahun 2003 untuk membawa masuk dan mengagihkan semula pekerja asing untuk syarikat atau organisasi pembinaan di Malaysia.

---